

Generasi Muda Perlu Kompeten Dalam Bidang STEM

Terakhir dikemaskini: Selasa, 24 Julai 2018 16:35 | [Cetak](#) | Jumlah paparan: 233

[Syorkan 0](#)
[Kongsi](#)
[Tweet](#)
[Share](#)


SELASA, 24 JULAI – Generasi muda pada masa kini perlu lebih kompeten dalam bidang sains, teknologi, kejuruteraan dan matematik (STEM) agar negara mempunyai sumber modal insan yang berkemahiran tinggi dan mampu membantu kepada

pembangunan negara pada masa hadapan.

Naib Canselor Universiti Malaysia Sabah (UMS), Prof. Datuk Dr. D Kamarudin D Mudin berkata, dengan kehadiran Revolusi Industri Keempat (IR 4.0), pelbagai teknologi baru muncul yang menggabungkan dunia fizikal, digital dan biologi dan turut memberi kesan kepada aspek ekonomi, industri bahkan kehidupan manusia.

“Secara asasnya kemunculan teknologi baru ini mengubah cara kita hidup, bekerja dan saling berhubungan sesama manusia.

“Justeru, peralihan ini memerlukan pengetahuan dan kemahiran baru yang luas dengan pembangunan modal insan berasaskan pengetahuan STEM bakal menjadi pemain utama dalam mencari peluang dalam era Revolusi Industri,” katanya.

Beliau berkata demikian dalam ucapan alu-aluan sempena program Cabaran Sains Kebangsaan (NSC) Peringkat Negeri Sabah 2018 di Bilik Seminar, Kompleks Perhutanan Fakulti Sains dan Sumber Alam (FSSA) UMS.

Teks ucapan beliau disampaikan oleh wakilnya, Dekan FSSA, Prof. Dr. Baba Musta.

Tambah beliau, di UMS, pelbagai disiplin ilmu berkaitan sains, teknologi, kejuruteraan, dan sains sosial ditawarkan di peringkat pendidikan tinggi dengan harapan dapat menyumbang kepada modal insan yang diperlukan negara serta memangkin kepada daya inovasi dan produktiviti yang lebih baik untuk manfaat masyarakat dan negara.

Sebanyak lima pasukan bertanding dalam NSC, iaitu pasukan dari SM Sung Siew Sandakan, SM Sains Lahad Datu, SMK Arshad Kota Belud, SMK Desa Kencana Lahad Datu dan satu pasukan ‘Wild Card Team’ yang terdiri daripada pelajar dari SM Sains Sabah, SM St. Micheal dan SMK Arshad Kota Belud.

Dalam pertandingan tersebut, pasukan SM Sung Siew diangkat sebagai juara pertandingan, sekali gus melayakkan pasukan berkenaan mewakili Sabah di peringkat kebangsaan pada 9 hingga 15 Ogos di Universiti Teknologi Malaysia (UTM) Skudai, Johor.